



ARTCHEMIST “EXPERIMENTING IDEAS INTO ART” :
EKSPERIMENTASI BAHAN KITAR SEMULA DALAM PENGHASILAN
MODEL 3 DIMENSI REKA BENTUK LANDSKAP BERKONSEPKAN
N.G.E.T.A.N EDU PARK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

BEATRICE ANA ANAK STEWART

D20191088923

A221

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SENI)

JABATAN SENI DAN REKA BENTUK
FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF
2023

PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbitkan atau diserahkan kepada mana-mana pihak.

Tandatangan :

Tarikh :

NAMA PENGKAJI : BEATRICE ANA ANAK STEWART

NO. MATRIK : D20191088923

PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah disemak oleh:

Nama penyelia : DR. AZLIN IRYANI BINTI MD NOOR

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :

Diterima penghantaran oleh:

Nama penyelaras : DR. ELIS SYUHAILA BINTI MOKHTAR

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :



PENGHARGAAN

Salam sejahtera,

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat saya menyelesaikan penulisan tesis dan model tahun akhir ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan saya tujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan tesis projek tahun akhir bertajuk 'Eksperimentasi Bahan Kitar Semula dalam Penghasilan Model 3 Dimensi Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N EDU PARK*. Segala bantuan yang diberikan amatlah saya hargai kerana tanpa kalian, semua tugas tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia bagi studio Reka Bentuk Landskap, iaitu Dr. Azlin Iryani binti Md Noor atas idea, bimbingan yang berterusan dan ilmu yang dicurahkan tanpa rasa penat dan lelah. Tidak lupa juga kepada pensyarah Dr. Zainuddin Bin Abindinhazir, pereka logam Puan Rosyada binti Elias dan ketua pereka Encik Azhar bin Ahmad diatas tunjuk ajar cara menghasilkan beberapa elemen model menggunakan bahan kitar semula. Seterusnya, penyelaras Projek Tahun Akhir A221 iaitu Dr. Elis Syuhaila Binti Mokhtar diatas nasihat dan sokongan yang diberikan selama kajian ini dijalankan.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah banyak memberikan motivasi dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan kajian ini. Di samping itu, saya juga berasa sangat berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak memberikan bantuan dari segi idea dan nasihat sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya.



PERNYATAAN PERIBADI

N.G.E.T.A.N Edu Park merakamkan pengalaman estetik sebagai orang Sarawak kerana taman ini akan membawa keunikan budaya Borneo untuk memberi pendedahan kepada orang awam serta bakal guru khususnya mengenai kepentingan mempertahankan budaya Borneo. Berketepatan dengan tema 100 Tahun UPSI- Public Art Park, Education dan Sustainable Ecosystem, pengkarya mengetengahkan konsep Kitar Semula terhadap bahan-bahan terbuang daripada studio-studio seni UPSI. Antara hahan-bahan yang melalui proses eksperimentasi kitar semula termasuklah kanvas terpakai, bulu besi keluli, habuk kayu, rotan, dan banyak lagi. Pengkarya akan mengaplikasikan teknik kitar semula dan teknik asas setiap studio seni untuk menghasilkan elemen dalam model akhir landskap. Taman ini mempamerkan motif, kerajinan tangan dan kegiatan ekonomi utama masyarakat Borneo.



ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah mengenai Eksperimentasi Bahan Kitar Semula dalam Penghasilan Model 3 Dimensi Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N EDU PARK* di UPSI. Objektif kajian yang pertama untuk mengidentifikasi jenis bahan terbang dalam penghasilan model 3D. Kedua, mengenalpasti elemen reka bentuk landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* yang menjadi simbolik kepada pengunjung apabila berada dalam taman ini. Objektif ketiga, menghasilkan model 3D reka bentuk landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* dengan mengaplikasikan eksperimentasi daripada bahan terbang. Pengkaji menggunakan kaedah Praktis Studio dalam Penghasilan Reka Bentuk Landskap. Pengkaji mendapatkan sumber maklumat mengenai bahan kitar semula melalui pemerhatian ke tapak kajian yang terletak di Sungken Plaza berhadapan Dewan Tuanku Canselor, UPSI, bagi membuat analisis dan inventori tapak, melawat ke kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Kuching, Sarawak serta membuat analisis dokumen berkaitan tajuk yang dikaji. Tempoh kajian dijalankan adalah sepanjang semester 7 iaitu selama enam bulan. Tujuan penyelidikan untuk merakamkan pengalaman estetik sebagai orang Sarawak kerana taman ini akan membawa keunikan budaya Borneo untuk memberi pendedahan kepada orang awam serta bakal guru khususnya mengenai kepentingan mempertahankan budaya Borneo. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan dan bahan ilmiah kepada pelbagai pihak berkepentingan, pelajar dan pengkaji yang ingin mengkaji tentang Eksperimentasi Bahan Kitar Semula dalam Penghasilan Model 3 Dimensi Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N EDU PARK* pada masa akan datang.

Kata kunci: Eksperimentasi, *N.G.E.TAN*, *edu park*, kitar semula, praktis studio, Sungken Plaza, Dewan Tuanku Canselor, UPSI.



ISI KANDUNGAN

Senarai Kandungan	Muka Surat
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN PENGHANTARAN	ii
PENGHARGAAN	iii
PERNYATAAN PERIBADI	iv
ABSTRAK	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI GAMBAR	xi
 BAB 1: PENGENALAN	 1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Isu/ Permasalahan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Signifikan Kajian	7
1.6 Metodologi Kajian	7
1.6.1 Kaedah Praktis Studio Dalam Penghasilan Model Reka Bentuk Landskap	8
1.7 Carta Perbatuan	8
 BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR	 14
2.1 Bacaan Konteks Teori	15
2.1.1 Teori Instrumental	15

2.1.2	Teori Kritikal	16
2.1.3	Teori Budaya	17
2.1.4	Teori Kreativiti Laura Chapman	17
2.2	Kaedah Praktis Studio	20
2.3	Kaedah Kajian Pustaka	21
2.4	Projek Rujukan	22
2.4.1	Projek Rujukan 1 - River of Live, Kuala Lumpur, Malaysia	22
2.4.2	Projek Rujukan 2 – Raia Hotel & Convention Centre, Kuching, Sarawak	24
2.4.3	Projek Rujukan 3 – Supertrees, Garden by the Bay, Singapore	25
2.4.4	Projek Rujukan 4 – Manav Sadhna, Ahmedabab, India	27
2.4.5	Projek Rujukan 5 – The Zig Zag House, United States	28
2.6.6	Projek Rujukan 6 – Casamia Community House, Cam Thanh, Vietnam	29

BAB 3 : KAJIAN STUDIO 32

3.1	Kaedah kajian visual	33
3.2	Penjanaan Idea	33
3.3	Konsep N.G.E.T.A.N	36
3.3.1	Cadangan Elemen Dalam Konsep <i>N.G.E.T.A.N</i> Melalui Proses Kajian Visual	36

BAB 4 : PRAKTIS STUDIO DALAM REKA BENTUK LANDSKAP

4.1	Konsep Kitar semula	39
-----	---------------------	----

4.2	Eksperimentasi Teknik dan Bahan	40
4.3	Pemilihan Bahan Kitar Semula	41
4.4	Proses kreatif (Proses Penghasilan Model)	46
4.4.1	Analisis dan Inventori Tapak Kajian	46
4.4.2	Penghasilan pelan asas	49
4.4.3	Bubble Diagram	51
4.4.3	Pelan konsep	59
a)	Merancang pelan penanaman	60
b)	Membuat kajian warna	63
4.4.4	Pelan induk dan perincian	65
a)	Menghasilkan lukisan perspektif	66
4.4.8	Membangunkan model	68
4.5	Model reka bentuk landskap berkonsepkan <i>N.G.E.T.A.N Edu Park</i>	76
BAB 5 : PENUTUP & CADANGAN		82
5.1	Pengenalan	82
5.2	Penutup	82
5.3	Cadangan	84
BIBLOGRAFI		86
LAMPIRAN		89

**SENARAI RAJAH/ GAMBAR**

No. Rajah		Muka Surat
Rajah 1	Carta Perbatuan	8
Rajah 2	Kerangka Teori Kajian	18
Rajah 3	Kerangka Konseptual	19
Rajah 3	Komponen praktikal dalam Reka Bentuk Landskap	21
Rajah 4	Proses penghasilan karya dalam bidang Reka Bentuk Landskap	33
Rajah 5	Perancangan dalam Reka Bentuk Landskap	34
Rajah 6	Bahan kitar semula mengikut kategori	41
Rajah 7	Maklumat pelan penanaman	61

No. Gambar		Muka Surat
-------------------	--	-------------------

Gambar 1	Bangunan sekitar yang dicat dengan catan mural	22
Gambar 2	Pemandangan waktu malam The River of Live	22
Gambar 3	Raia Hotel & Convention Centre, Kuching, Sarawak	24
Gambar 4	Pemandangan malam Supertrees, Garden by the Bay, Singapore	25
Gambar 5	Pemandangan siang Supertrees, Garden by the Bay, Singapore	25
Gambar 6	Elemen-elemen <i>hardscape</i> yang dihasilkan daripada kitar semula	27
Gambar 7	Kimpalan besi gabungan dawai dan komponen roda basikal	27
Gambar 8	Cermin daripada kulit polikarbonat hijau botol kitar semula	28
Gambar 9	Rupa bentuk Zig-Zag House dari pandangan atas	28



Gambar 10	Bahagian dalam Casamia Community House, Cam Thanh	29
Gambar 11	Pandangan dari bahagian luar Casamia Community House, Cam Thanh	30
Gambar 12	Elemen pintu gerbang	37
Gambar 13	Supertree, Singapore	38
Gambar 14	Jambatan kayu di dalam hutan	38
Gambar 15	Bahan-bahan kitar semula yang dikumpul	42
Gambar 16	Gabus	42
Gambar 17	Foam board	42
Gambar 18	Bulu besi keluli	42
Gambar 19	Bekas telur	42
Gambar 20	Pasir <i>glow in dark</i> dan <i>plastic wrapping</i>	42
Gambar 21	Kanvas	42
Gambar 22	Kertas bunga	43
Gambar 23	Kertas warna	43
Gambar 24	Kain baldi dan kain bercorak	43
Gambar 25	Manik	43
Gambar 26	Jaring	43
Gambar 27	Kepingan logam	43
Gambar 28	Bantal	43
Gambar 29	Span	43
Gambar 30	Tali dan dawai	44
Gambar 31	Benang bulu kambing	44
Gambar 32	Bunga plastik	44
Gambar 33	Tanah liat	44
Gambar 34	Ranting kayu	44
Gambar 35	Rotan	44



Gambar 36	Buluh	44
Gambar 37	Sabut kelapa	44
Gambar 38	Habuk kayu	45
Gambar 39	Serpihan kayu	45
Gambar 40	Sungken Plaza	47
Gambar 41	Sungken Plaza daripada sisi DTC	47
Gambar 42	Laluan masuk di sebelah Panggung Percubaan	47
Gambar 43	Tapak kosong di sebelah Panggung Percubaan	48
Gambar 44	Kawasan tapak kajian menggunakan <i>drone</i>	48
Gambar 45	Pelan asas tapak kajian	48
Gambar 46	Pelan analisis tapak	49
Gambar 47	Analisis dan inventori tapak kajian	49
Gambar 48	Tapak yang dipilih	50
Gambar 49	Ukuran tapak	50
Gambar 50	DTC yang jauh daripada kolej pelajar	51
Gambar 51	Bubble Diagram <i>N.G.E.T.A.N Edu Park</i>	51
Gambar 52	Lakaran <i>pavement</i>	52
Gambar 53	Lakaran motif Bunga Terung	52
Gambar 54	Lakaran penyusunan motif	52
Gambar 55	Lakaran awal	53
Gambar 56	Lakaran awal	53
Gambar 57	Lakaran awal	53
Gambar 58	Lakaran awal	54
Gambar 59	Lakaran pokok	54
Gambar 60	Lakaran pokok	54
Gambar 61	Lakaran kerusi taman	55
Gambar 62	Lakaran bangku taman	55





Gambar 63	Lakaran kerusi taman	55
Gambar 64	Lakaran kerusi taman	56
Gambar 65	Lakaran tangga	56
Gambar 66	Lakaran Patung pelindung/ <i>pentik/ guardian figures</i>	56
Gambar 67	Lakaran main <i>entrance</i>	57
Gambar 68	Lakaran <i>scholars area</i>	57
Gambar 69	Lakaran <i>Spirit tree</i>	57
Gambar 70	Lakaran <i>Spirit tree</i>	58
Gambar 71	Lakaran Borneo <i>Keliring Pole</i>	58
Gambar 72	Lakaran <i>wall founting</i>	58
Gambar 73	Lakaran <i>relaxing area</i>	59
Gambar 74	Lakaran <i>open art gallery</i>	59
Gambar 75	Pelan konsep	60
Gambar 76	Planting plan	60
Gambar 77	Eusideroxylon	61
Gambar 78	Koompasia Exceisa	61
Gambar 79	Aquilareia Malaccensis	62
Gambar 80	Shorea Macrophylla	62
Gambar 81	Australian Fan Palm	62
Gambar 82	Metroxylon Sagu	62
Gambar 83	Discidia Nummularia	62
Gambar 84	Philodendron Melanochrysum	62
Gambar 85	Alocasia Longiloba	63
Gambar 86	Zoysia Grass	63
Gambar 87	Boston Fern	63
Gambar 88	Anthurium Jungle Bush	63





Gambar 89	Dracaena Art Carmen	63
Gambar 90	Kajian warna 1	63
Gambar 91	Kajian warna 2	64
Gambar 92	Kajian warna 3	64
Gambar 93	Kajian warna 4	64
Gambar 94	Kajian warna 5	65
Gambar 95	<i>Master plan</i>	65
Gambar 96	<i>Master plan</i> berwarna	66
Gambar 97	Lukisan Perspektif 1	66
Gambar 98	Lukisan Perspektif 2	67
Gambar 99	Lukisan Perspektif 3	67
Gambar 100	Lukisan Perspektif 4	67
Gambar 101	Menggunting <i>master plan</i>	68
Gambar 102	Mencantumkan <i>polystyrene board</i>	68
Gambar 103	Menghasilkan catan corak Borneo pada bahagian belakang kanvas terbang	68
Gambar 104	Kanvas digunting mengikut reka bentuk pejalan kaki yang telah dirancang	69
Gambar 105	Proses penghasilan <i>pergola</i> menggunakan <i>foam board</i>	69
Gambar 106	Bancuhan <i>epoxy resin</i> dan serpihan kayu dicampur dengan saduran kepingan emas	69
Gambar 107	Proses membuat <i>pavement</i>	70
Gambar 108	Proses penghasilan kerusi taman	70
Gambar 109	Bahagian bawah kerusi taman dimasukkan sabut kelapa simbolik tanah untuk tanaman	70
Gambar 110	Bahan yang digunakan untuk membuat <i>wall fountain</i>	71
Gambar 111	Elemen air <i>wall fountain</i> daripada <i>wrapping plastic</i> dan gam	71





Gambar 112	<i>Entrance area</i>	71
Gambar 113	<i>Open Art Gallery</i>	72
Gambar 114	Logram untuk arca binaan <i>Borneo Keliering Pole</i>	72
Gambar 115	Arca pokok gergasi/ <i>Spirit Tree</i>	73
Gambar 116	Arca Burung Kenyalang	73
Gambar 117	<i>Relaxing area</i>	73
Gambar 118	Rumput menggunakan habuk kayu	74
Gambar 119	Tumbuhan hutan sedang dalam proses penghasilan	74
Gambar 120	Tumbuhan hutan	74
Gambar 121	Bahan untuk menghasilkan pokok teduhan	75
Gambar 122	Eksperimentasi dengan mesin wap air	75
Gambar 123	Pandangan dari sisi kiri model	76
Gambar 124	Pandangan dari sisi kanan model	77
Gambar 125	Pandangan dari atas pada waktu siang	78
Gambar 126	Pandangan dari atas pada waktu malam	79
Gambar 127	Pandangan dari sisi pada waktu malam	80
Gambar 128	<i>Main Entrance</i>	80
Gambar 129	<i>Scholars Area</i>	80
Gambar 130	Kemudahan pejalan kaki bagi pengguna kerusi roda	81
Gambar 131	<i>Relaxing Area</i>	81
Gambar 132	Kemudahan rekreasi air yang disediakan	81





BAB 1

PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian yang berkaitan dengan reka bentuk landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park*. Selain itu, bab ini juga akan menerangkan mengenai pernyataan isu, objektif kajian, persoalan kajian, garis panduan projek, signifikan kajian dan carta perbatuan penyelidikan dan praktis studio.



1.1 Latar Belakang Kajian

Landskap diambil daripada perkataan Inggeris iaitu 'landscape'. Reka bentuk landskap pula bermaksud memilih dan menyusun atur elemen landskap seperti tumbuhan, struktur binaan, air, batu batan untuk mewujudkan ruang di kawasan luaran. Reka bentuk landskap ialah seni menyusun atau mengubah suai ciri sesuatu kawasan contohnya kawasan bandar atas sebab estetik atau praktikal.

Pada peringkat sekolah menengah, reka bentuk landskap diekspresikan dalam bentuk model 3 dimensi. Model ini mempunyai skala dan boleh dilihat melalui pandangan 360 darjah. Pengkaji menggunakan bahan kitar semula dalam penghasilan model 3D Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park*. Menurut Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007(Akta 672), kitar semula ialah memungut dan mengasingkan sisa pepejal untuk menghasilkan keluaran. Kitar semula





berlaku apabila bahan-bahan diproses dan menghasilkan produk yang sama. Pengkaji memilih menggunakan bahan kitar semula daripada studio-studio seni di UPSI. Tujuan pengkaji adalah untuk membudayakan gaya hidup lestari bermula dari peringkat sekolah lagi agar dapat melahirkan anak bangsa yang cakna dengan pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini, tanpa menjejaskan keupayaan generasi masa akan datang.

Eksperimentasi Bahan Kitar Semula Dalam Penghasilan Model 3 Dimensi Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* merupakan tajuk kajian yang dipilih berketepatan dengan tema 100 Tahun UPSI- *Public Art Park, Education dan Sustainable Ecosystem*. Pengkaji juga turut menghasilkan cadangan reka bentuk landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* yang mengetengahkan konsep kitar semula.



MPSI-IPSI-UPSI, memberi peluang kepada seluruh lapisan masyarakat dan masyarakat Malaysia untuk merenungkan sejarah, meraikan pencapaian kita sekarang dan membayangkan masa depan UPSI untuk generasi akan datang. Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), “Taman Awam atau “Public Park” merupakan suatu kawasan taman ataupun padang dalam jarak berkenderaan (ride-to) yang direka bentuk untuk memberi kemudahan berekreasi atau bersiar untuk orang awam atau penduduk dalam semua peringkat umur”. Maka, taman seni awam merupakan ruang terbuka dan boleh diakses oleh semua orang. Taman ini akan mempamerkan karya seni dapat apa jua medium, direka dan dilaksanakan di luar konteks galeri dan bertujuan khusus untuk pameran di ruang awam. Terdapat pelbagai faktor, seperti medium karya seni, kos, penyelenggaraan, sokongan komuniti dan perkaitan, mesti dipertimbangkan. Seni awam boleh termasuk pemasangan besar yang





menentukan tapak, karya seni sementara dan lokasi serta projek multisensori. Kriteria utama pameran ini adalah *Sustainable Ecosystem*. Menurut Ibrahim Ngah (2005), “*Sustainable Ecosystem* atau pembangunan lestari mula menjadi perhatian sejak Laporan Brundtland dikeluarkan pada tahun 1987 di Persidangan Dunia bagi Alam Sekitar dan Pembangunan. Pelbagai pihak, baik dari sektor kerajaan mahupun bukan kerajaan mengiktiraf konsep pembangunan lestari atau mampan sebagai satu paradigma baru dalam bidang pembangunan dan telah diangkat menjadi agenda utama dasar perancangan dan pembangunan di peringkat global, terutama dalam mencari jalan penyelesaian terhadap masalah alam sekitar dunia hari ini”. Kelestarian atau kemampuan merupakan proses untuk mengekalkan perubahan secara seimbang, agar eksploitasi sumber semula jadi, arah pelaburan, orientasi pembangunan teknologi dan perubahan institusi kekal harmoni dan potensi masa kini meningkat sehingga masa depan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi manusia.

Berdasarkan definisi ini, pengkaji menginterpretasikan ketiga-tiga tema dengan menghasilkan model 3D reka bentuk landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park*. Ngetan berasal daripada Bahasa Iban yang beerti mempertahankan dan melindungi selaras dengan pemilihan isu semasa dan subjek yang diketengahkan. Model taman ini diperbuat daripada bahan-bahan kitar semula studio-studio seni UPSI yang masih boleh dan selamat digunakan. Tujuan taman ini adalah untuk memberikan pendedahan dan kesedaran kepada bakal guru dan masyarakat Malaysia mengenai kepentingan mempertahankan budaya Borneo. Selain itu, ideologi konsep eksperimentasi bahan kitar semula dapat menghasilkan model ini juga boleh dipraktikkan di peringkat sekolah bagi menyemai gaya hidup lestari dalam diri pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan menjadi lebih bermakna dengan pengisian baharu daripada guru. Tapak kajian yang dipilih adalah berhadapan dengan Dewan Tuanku Canselor





(DTC), Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim, Perak. Lokasi tersebut sangat adalah lokasi yang disyorkan oleh Prof. Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff selaku Naib Canselor, UPSI. Saya mengekalkan bulatan Sungken Plaza kerana ingin mengekalkan identiti formal kawasan tersebut, malah bentuk bulat juga sesuai dengan pendekatan budaya yang ingin saya terapkan dalam reka bentuk taman ini. Pelaksanaan projek ini di UPSI juga dapat mendukung program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 kerana salah satu elemen taman ialah *relaxing area* yang terdiri daripada elemen *softscape* iaitu tumbuhan hutan serta sungai.

1.2 Isu/ Permasalahan Kajian

Pengkaji memilih untuk mengetengahkan isu perampasan hak tanah orang Sarawak dimana Tanah Adat (Native Customary Right (NCR)) diambil tanpa persetujuan bagi tujuan pembangunan. Tanah NCR ialah hak istimewa yang diberikan kepada anak negeri Sarawak yang telah menetap dan mengusahakan tanah kerajaan untuk aktiviti sara hidup selama tiga tahun berturut-turut dan tertakluk kepada seksyen 5,6,13-16,65 dan 88. Masyarakat di negeri Sarawak menganggap Tanah NCR tidak bergantung kepada undang-undang bertulis tetapi berdasarkan amalan Orang Asal atau nenek moyang yang telah merintis tanah dahulu. Apabila wujud penempatan dan aktiviti-aktiviti seharian seperti pertanian dan sebagainya maka akan wujud Tanah Adat. Tanah Adat adalah lebih kuat dari tanah geran. Jika ia diceroboh atau sudah dikeluarkan geran kepada mana-mana pihak geran itu boleh dibatalkan. Keputusan ini adalah terkandung di dalam keputusan Mahkamah Persekutuan. Namun kini, terdapat Tanah-tanah Adat di Sarawak yang telah diwartakan sebagai hutan simpan untuk aktiviti pembalakan dan pelaksanaan projek pembangunan seperti pembinaan hospital, sekolah dan sebagainya. Ada juga syarikat swasta yang memohon Tanah Adat ini bagi tujuan pembukaan projek





pertanian secara besar-besaran. Perkara ini telah mendatangkan impak kepada bidang ekonomi, budaya serta sosial orang Sarawak kerana tanah adat telah dirampas dan mereka diikhtiraf menduduki tanah secara haram kerana tanah tersebut bukan milik mereka secara sah. *N.G.E.T.A.N Edu Park* dapat merealisasikan usaha mempertahankan budaya Sarawak ini dengan mendidik masyarakat secara pembelajaran informal iaitu melalui pameran dan bahan bacaan. Pameran taman seperti ini dapat menonjolkan keunikan Borneo sekaligus memberikan penambahan ilmu baharu kepada para penuntut UPSI mengenai kaedah konservasi dan pemeliharaan budaya. Pengunjung juga dapat menimba ilmu pengetahuan dalam inovasi kitar semula disamping mengasah pemikiran kreatif dan inovatif mereka.

Usaha murni ini menggambarkan semangat kekitaan dan kemanusiaan sebagai seorang rakyat Malaysia dan pelajar UPSI yang menerajui penyelidikan dan mempromosikan konsep keluarga Malaysia. Menurut bekas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob “Saya sangat optimis, dengan kreativiti, inovasi serta kolaborasi strategik yang melibatkan pelbagai pihak, Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Keluarga Malaysia ini dapat memainkan peranan yang signifikan dalam meningkat, mempromosi dan menyebarkan lagi konsep serta usaha membudayakan nilai-nilai pengkayaan Keluarga Malaysia”.

1.3 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari dan membuktikan reka bentuk landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* mempunyai keunikan dan nilai estetikanya yang tersendiri. Ini bersesuaian dengan objektif kajian iaitu

1.3.1 Mengidentifikasi jenis bahan terbuang dalam penghasilan model 3D Reka

Bentuk Landskap *N.G.E.T.A.N Edu Park*.





1.3.2 Mengenalpasti elemen Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* yang menjadi simbolik kepada pengunjung apabila berada dalam taman ini.

1.3.3 Menghasilkan model 3D Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* dengan mengaplikasikan eksperimentasi daripada bahan terbuang.

1.4 Persoalan kajian

Persoalan kajian mengandungi soalan yang akan dijawab di dalam kajian ini.

1.4.1 Apakah jenis bahan terbuang yang digunakan dalam penghasilan model 3D Reka Bentuk Landskap *N.G.E.T.A.N Edu Park* ?

1.4.2 Apakah elemen Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* yang menjadi simbolik kepada pengunjung apabila berada dalam taman ini ?

1.4.3 Bagaimanakah eksperimentasi bahan terbuang dalam penghasilan model 3D Reka Bentuk Landskap berkonsepkan *N.G.E.T.A.N Edu Park* ?

1.5 Signifikan Kajian

Penghasilan kajian yang dilakukan ini adalah penting kerana ianya dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada bakal guru dan masyarakat Malaysia mengenai kepentingan mempertahankan budaya Borneo. Hal ini demikian kerana, manusia dan alam saling berkait dan memerlukan satu sama lain. Alam menyediakan segala keperluan manusia, namun alam juga memerlukan manusia untuk memelihara ekosistem lestarnya.

Kajian ini adalah bagi mengenalpasti sejauh manakah pengunjung mengetahui tentang keunikan Borneo yang terdapat dalam Reka Bentuk Landskap *N.G.E.T.A.N Edu Park* dan mencipta pengalaman budaya dalam taman ini. Selain itu, kajian ini juga



penting kerana kegemilangan Universiti Pendidikan Sultan Idris sebagai sebuah institusi pendidikan yang unggul dan cemerlang diterjemahkan melalui penghasilan karya reka bentuk landskap menggunakan bahan kitar semula dan mengangkat peranan taman sebagai sebuah galeri seni terbuka.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk dijadikan sumber rujukan kepada generasi penyelidik akan datang khususnya. Dengan adanya kajian ini, generasi akan datang dapat mengenalpasti dan menilai isi kandungan yang telah dibuat melalui model Reka Bentuk Landskap yang dibuat. Maka, generasi akan datang lebih peka dan cakna dalam mempertahankan budaya Borneo.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian didefinisikan sebagai analisis teoritikal mengenai kaedah yang sesuai untuk bidang pengajian atau kandungan kaedah dan prinsip tertentu kepada cabang pengetahuan. Teori dalam penyelidikan perlu sentiasa diuji supaya ianya dianggap relevan. Oleh itu, metodologi mempunyai fungsi yang penting dalam penyelidikan ini kerana ia dapat mengenal pasti aktiviti penyelidikan untuk menentukan dan mentakrifkan konsep yang sebenar.

1.6.1 Kaedah Praktis Studio Dalam Penghasilan Model Reka Bentuk

Landskap

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian yang berasaskan praktis studio dalam penghasilan reka bentuk landskap. Kaedah kajian ini diperkenalkan oleh Sullivan dimana kajian dijalankan melalui aktiviti refleksi, kontekstual dan reflektif menerusi tinjauan pendekatan konteks isu, komponen isu dan interpretasi isu



1.7 Carta Perbatuan

Carta Perbatuan adalah sejenis carta bar yang digunakan untuk memaparkan jadual projek tahun akhir secara visual. Jadual ini digunakan dalam aktiviti pengurusan projek untuk memaparkan aktiviti projek, tugas dan peristiwa yang berlaku. Carta ini menerangkan proses pelaksanaan penghasilan model Reka Bentuk Landskap N.G.E.T.A.N Edu Park mengikut tempoh dan masa yang telah ditetapkan iaitu selama 20 minggu. Berikut merupakan carta perancangan yang dirancang bermula dari minggu pertama hingga minggu ke-20.

PERKARA	MINGGU																			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
Pemilihan atau penentuan tema dan isu kajian bersama penyelia.																				
Proses pencarian idea.																				
Proses pemilihan tema, isu kajian serta idea yang digunakan.																				





Proses mencari projek rujukan.																			
Proses pengumpulan sumber idea.																			
Proses pemilihan idea dan lakaran.																			
Membuat pelan analisis tapak.																			
Membuat pelan konsep.																			
Penilaian FYP pertama oleh penyelia dan penilai dalaman.																			
Eksperimentasi bahan/media.																			
Proses pemilihan pelan konsep.																			





Penulisan FYP																				
Penilaian FYP ke-2 oleh penyelian dan penilai dalam.																				
Melukis pelan asas mengikut skala.																				
Membuat lakaran awal pelan induk (<i>master plan</i>)																				
<i>Mock up</i>																				
Mewarna pelan induk																				
Menghasilkan model Reka Bentuk Landskap																				
Menyiapkan model sepenuhnya.																				
Penulisan FYP																				
Pra pameran oleh penyelia																				





Majlis penutup pameran Artchemist dan dinner FYP																			
Sesi fotografi model Reka Bentuk Landskap untuk dimasukkan ke dalam buku katalog FYP																			
Mengemas dan membersihka n ruang pameran san penghantaran karya kembali ke studio menaiki lori UPSI																			
Penghantaran penulisan																			



FYP ke Myguru																				
Penghantaran tesis berjilid kepada penyelaras.																				

Rajah 1 : Carta Perbatuan